

PERMOHONAN BEKALAN ELEKTRIK DOMESTIK - PENYAMBUNGAN PENJANA PV
DOMESTIC ELECTRICITY SUPPLY APPLICATION - PV GENERATOR INTERCONNECTION



UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/FOR OFFICE USE

Kod Stesen	<input type="text"/>	No. Sambungan	<input type="text"/>
Kod Bisnes	<input type="text"/>	No. Akaun	<input type="text"/>
No. Kontrak	<input type="text"/>		

BAHAGIAN 1 : UNTUK DIISI OLEH PEMOHON/SECTION 1 : TO BE COMPLETED BY APPLICANT
(BORANG INI HENDAKLAH DIISI DENGAN HURUF BESAR) : (FORM TO BE COMPLETED IN CAPITAL LETTERS)

1A. BUTIR PEMOHON/APPLICANT'S DETAIL

Gelaran/Salutation (Encik/Puan/Cik/Gelaran Lain _____)
(Mr./Mrs./Miss/Other Salutation)

Nama Pemohon/Applicant's Name	No. K/P Lama/Old IC No.	<input type="text"/>
<input type="text"/>	No. K/P Baru/New IC No.	<input type="text"/> - <input type="text"/> - <input type="text"/>
<input type="text"/>	No. Paspot/Passport No.	<input type="text"/>

1B. ALAMAT/ADDRESS

Bil dihantar ke/Bill send to Alamat Premis/Premise Address

Alamat Premis Bagi Permohonan Bekalan Elektrik/Premise Address

No. / Tingkat / No. Lot/No. Pangsapuri /
No. Floor Lot No./Apartment No.

Bangunan /
Building

Nama Jalan/Street Name

Taman/Seksyen
Garden/Section

Poskod /
Post Code

Bandar /
Town

Negeri /
State

Telefon (R) /
Telephone (H)

Telefon (P) /
Telephone (O)

Telefon Bimbit /
Handphone

Fax/Telefax

E-mel /
E-mail

Status Premis/Premise Status

Sendiri/Own Sewa/Rent Lain-lain/Others

Jenis Kediaman/Type of Residence

Teres Setingkat / Teres Dua Tingkat / Lain-lain. Sila nyatakan /
Terrace Semi-Detached Others, please specify _____

Alamat Surat-Menyurat/Mailing Address

Alamat Surat-Menyurat/Mailing Address

Alamat/Address

Poskod /
Postcode

Bandar /
Town

Negeri /
State

Telefon (R) /
Telephone (H)

Telefon (P) /
Telephone (O)

Fax /
Telefax

E-mel /
E-mail

- Borang permohonan ini diberi secara percuma/This application form is distributed free of charge
- Borang permohonan ini hendaklah diisi dengan pena mata bulat/This application form is to be filled with ball point pen

Sila isi (a) atau (b)/Please fill (a) or (b)

(a) MAJIKAN/EMPLOYER

Nama Majikan atau Syarikat/ Employer's or Company's Name

Grid for Employer Name

Jabatan/ Department

Grid for Department

Alamat/ Address

Grid for Address Line 1

Grid for Address Line 2

Grid for Address Line 3

No. Telefon / Telephone No.

Grid for Telephone No.

Samb. / Ext.

Grid for Extension

(b) KELUARGA ATAU SAUDARA TERDEKAT/FAMILY OR RELATED PERSON

Gelaran/ Salutation

Encik/Puan/Cik/Gelaran Lain / Mr./Mrs./Miss/Other Salutation

Nama/Name

Grid for Name

Kerakyatan/Nationality

Malaysian

Lain-lain. Sila nyatakan Others, please specify

No.K/P / IC No.

Grid for K/P / IC No.

No. Telefon / Telephone No.

Grid for Telephone No.

E-mel/E-mail

Grid for E-mail

Hubungan / Relationship

Suami atau Isteri/Spouse

Lain-lain/Others

Ibu bapa/Parents

Saudara/Relatives

1C. JENIS PERMOHONAN/TYPE OF APPLICATION * Sila tandakan (/) pada pilihan/Please select (/)

Bekalan Elektrik Baru (Tetap)/New Electricity Supply

Penyambungan Penjana PV/PV Generator Interconnection

Bekalan Elektrik Tambahan/Additional Electricity Supply

Penukaran Pengguna/Penukaran Tarif (Bahagian 2 tidak perlu diisi)/ Change of Tenancy/Change Of Tariff (Do not fill Section 2)

1D. TARIKH BEKALAN/SUPPLY DATE

Tarikh Bekalan DiMula-Tugas/Date Supply Commissioned

hh/dd / bb/mm / tttt/yyyy

Tarikh Sambungan PV/PV Connection Date

1E. PERAKUAN PEMOHON/APPLICANT DECLARATION

Dengan ini :

- 1. Saya memperakui bahawa kontraktor yang saya lantik atau yang dilantik oleh Pemaju yang dinamakan di belakang ini adalah kontraktor yang berdaftar dengan Suruhanjaya Tenaga. Saya juga memberi kebenaran kepada kontraktor ini untuk menguruskan kerja-kerja berkaitan dengan permohonan saya ini.
- 2. Saya bersetuju dengan semua syarat bekalan Elektrik TNB seperti di dalam Syarat-Syarat Bekalan Bagi Pengguna Domestik.
- 3. Saya bersetuju membayar/menyelesaikan semua bayaran sambungan bekalan (jika berkaitan) dan semua wang cagaran sebelum bekalan diberikan.
- 4. Saya bersetuju membantu TNB untuk mendapat kelulusan tuannya tanah/premis bagi menyambung bekalan ke premis tersebut.
- 5. Saya tiada halangan bagi TNB menggunakan laluan sesalur kakilima di premis saya.
- 6. Saya mengesahkan maklumat yang saya berikan di atas adalah benar dan TNB berhak mengambil apa-apa tindakan yang sewajarnya jika maklumat yang diberikan adalah didapati tidak benar.
- 7. Saya bersetuju bahawa apabila Kontrak ini dikuatkuasakan maka kontrak bekalan elektrik yang terdahulu (sekiranya ada) bagi premis seperti di Bahagian 1 Kontrak ini adalah ditamatkan dan penamatan kontrak terdahulu tidak menjejaskan dan/atau menghalang hak TNB bagi sebarang tuntutan terhadap apa-apa pelanggaran terma dan syarat kontrak terdahulu dan/atau gantirugi terhadap saya, dan/atau wakil saya.

Whereby :

- 1. I hereby attest that the contractor appointed by me/housing developer as named herein is a contractor registered with Energy Commission. I also give permission to the contractor to do all necessary works related to my application.
- 2. I hereby agree to be bound by all terms and conditions relating to electricity supply of TNB as in Syarat-Syarat Bekalan Bagi Pengguna Domestik.
- 3. I hereby agree to pay/settle all connection charge (if any) and deposits prior to the electricity supply.
- 4. I hereby agree to assist TNB to obtain the landlord's permission to connect the supply to the said premise.
- 5. I have no objections for TNB to utilise the five-foot mains in my premise.
- 6. I hereby acknowledge that all information given are true and TNB shall have the right to take any action if the information given are false.
- 7. I hereby agree the previous Electricity Supply Contract (if any) for premise as stipulated under Section 1 of this Contract shall be erminate upon the enforcement of this Contract and such termination shall not prejudice and/or preclude TNB's rights to claim for any antecedent breach of the terms and conditions of the Previous Agreement and/or compensation against me and/or any of my representative (s).

Nama Pemohon/Name of Applicant

Line for Applicant Name

Tandatangan/Signature

Line for Signature

Tarikh/Date

Line for Date

RM10.00 Setem Hasil RM10.00 Stamp Duty (Setem Hasil akan dimatikan setelah deposit dibayar sepenuhnya)

BAHAGIAN 3 : UNTUK KEGUNAAN PEJABAT/SECTION 3 : FOR OFFICE USE

Tarif	Sediada	
	Baru	

Deposit (RM)/Bank Guarantee	Sediada	
	Baru	
	Tambahan	
	Jumlah	

Saiz Jangka	Sediada	
	Baru	

Cas Sambungan (RM)	
No LKKK/BKMM	
No Kerja/Projek	

Tarikh Bekalan Diberikan/Tarikh Kontrak /

Date of Supply/Contract Date

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

hh/dd bb/mm ttt/yyyy

Alamat Elektrik/*Electrical Address*

--	--	--	--	--	--

No Perkakas
Suis/Link No

--	--	--	--	--	--

No Papan Agihan
Voltan Rendah /
LVDB No

--	--	--	--	--	--

No Peti Pembekal /
FP No

Disemak Kerani Kaunter:

Nama Pekerja _____

No. Pekerja _____

Diluluskan Oleh:

Pegawai Yang Dikuasakan _____

No. Pekerja _____

Tandatangan _____

Tarikh _____

Tandatangan _____

Tarikh _____

Dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Pengguna & Pemasaran, Bahagian Pembahagian, TNB

Maklumat Am

1. *Talian Aduan 24 jam TNB - 15454*

2. *Cara-Cara Pembayaran Bil Elektrik:*

- *Debit Terus Kad Kredit*
- *Debit Terus Akaun Simpanan / Semasa*
- *Sistem Bayaran Pukal*
- *Kedai Tenaga*
- *Auto Teller Machine (ATM)*
- *Laman Web (web TNB, bank dan agensi kutipan)*
- *Perbankan Melalui Telefon*
- *Kutipan di Kaunter Bank*
- *Pusat Kutipan Setempat*

3. *Untuk keterangan lanjut, layari laman web TNB di <http://www.tnb.com.my>*

SYARAT - SYARAT BEKALAN BAGI PENGGUNA DOMESTIK – PV GENERATOR INTERCONNECTION

DEFINISI

1. CAJ SAMBUNGAN

Sejumlah wang dikenakan kepada Pengguna yang memerlukan bekalan baru atau bekalan tambahan menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

2. KONTRAKTOR ELEKTRIK BERDAFTAR

Orang yang memegang Perakuan Pendaftaran sebagai seorang Kontraktor Elektrik yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

3. KONTRAK

Kontrak ini bermaksud Kontrak Bekalan Elektrik yang merangkumi syarat-syarat dan juga borang permohonan TNB (*PV Generator Interconnection*) dan borang permohonan "PV Generator Interconnection" yang dikeluarkan oleh Pusat Tenaga Malaysia.

4. PENGGUNA

Pengguna adalah pengguna domestik yang menduduki rumah persendirian yang bukan digunakan sebagai hotel, rumah asrama atau digunakan sebagai menjalankan sebarang bisnes, perniagaan, pekerjaan khas atau memberikan perkhidmatan.

5. PIHAK BERKUASA

Mana-mana Badan Kerajaan dan/atau Badan Berkanun yang lazim bertindak sebagai Pihak Berkuasa yang ditubuhkan di bawah akta berkaitan.

6. TARIF

Kadar yang akan dikenakan kepada Pengguna bagi penggunaan tenaga elektrik seperti dirujuk pada Bahagian 3 kontrak ini, menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

7. TNB

Tenaga Nasional Berhad (200866-W) adalah sebuah syarikat yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 dan menjalankan perniagaan di alamat berdaftar di 129, Jalan Bangsar, 59200 Kuala Lumpur.

8. SISTEM FOTOVOLTAIK (PV SYSTEM)

Sistem Fotovoltaik adalah sistem penjanaan tenaga elektrik daripada tenaga suria yang terdiri daripada modul fotovoltaik, alat penyongsang tersambung grid, alat perlindungan berkaitan serta sistem kawalan, kabel ac (arus ulang alik) dan dc (arus terus) serta kelengkapan lain yang berkaitan sehingga ke terminal.

A. WAAD PENGGUNA

1. MENGAMBIL BEKALAN

Mengambil bekalan elektrik di premis tersebut dengan bayaran kadar Tarif menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

2. BAYARAN CAJ SAMBUNGAN

Membayar penuh kepada TNB Bayaran Caj Sambungan (sekiranya ada) sebelum sebarang kerja dimulakan oleh TNB, menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

3. BAYARAN PEMOTONGAN BEKALAN

- (a) Sekiranya bekalan elektrik dipotong dari premis pengguna atas kegagalan membayar bil elektrik, maka sebarang kos berkaitan boleh dikenakan untuk pemotongan bekalan
- (b) Sekiranya bekalan elektrik dipotong dari premis Pengguna disebabkan penukaran Pengguna dan/atau penukaran Tarif, maka sebarang kos berkaitan boleh dikenakan untuk pemotongan bekalan.

4. WANG CAGARAN

Membayar wang cagaran yang diperlukan bagi menampung bayaran yang dianggarkan bagi bekalan elektrik untuk dua (2) bulan sebelum bekalan disambungkan, dengan syarat bahawa TNB dari masa ke semasa mempunyai hak mengkaji semula jumlah cagaran yang diperlukan berdasarkan kepada jumlah penggunaan elektrik. Bagi wang cagaran yang melebihi RM2,000.00 ke atas, Pengguna mempunyai pilihan untuk menyediakan Jaminan Bank bagi tujuan yang sama.

Dengan syarat bahawa TNB hendaklah membayar kepada Pengguna tertakluk kepada kadar sebagaimana yang ditetapkan sejumlah wang yang bersamaan dengan rebet atas cagaran tunai. Rebet atas cagaran tunai adalah menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

5. PENJAGAAN DAN SERVIS LALUAN TALIAN

Membenarkan TNB untuk menyelenggara mana-mana pemasangan elektrik TNB di premis Pengguna pada bila-bila masa untuk tujuan keselamatan tanpa sebarang pampasan daripada TNB.

6. PENAMATAN KONTRAK OLEH PENGGUNA

Memberi notis secara bertulis kepada TNB sekurang-kurangnya tiga (3) hari bekerja tentang niat Pengguna supaya bekalan dipotong.

7. PENGOSONGAN PREMIS

Sekiranya Pengguna mengosongkan premis tanpa memberi notis seperti di klausa 6, Pengguna bertanggungjawab membayar semua caj penggunaan elektrik dan apa-apa caj yang perlu dibayar berkenaan dengan pembekalan elektrik sehingga pemasangan itu dipotong atau sehingga seorang Pengguna lain memohon elektrik dan menandatangani suatu kontrak bekalan yang baru.

8. TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAIKI KEROSAKAN

Pengguna wajib membayar sebarang kerugian terhadap harta benda TNB yang diakibatkan oleh kecuaiannya atau mana-mana orang di bawah jagaan Pengguna.

9. TIADA GANGGUAN BEKALAN KEPADA PENGGUNA LAIN

Menggunakan bekalan elektrik tanpa mengganggu kelancaran bekalan elektrik kepada Pengguna-Pengguna lain TNB.

10. TIADA HALANGAN KEPADA PEPASANGAN TNB

- (a) Pengguna bertanggungjawab untuk tidak mewujudkan apa-apa halangan dan/atau menjalankan apa-apa aktiviti berhampiran dengan mana-mana pemasangan elektrik TNB.
- (b)(I) TNB berhak untuk mengambil tindakan yang munasabah untuk menghapuskan halangan yang diwujudkan oleh pihak pengguna atau oleh wakil yang berada di bawah jagaan/kawalan pihak Pengguna.
- (b)(II) TNB tidak akan bertanggungjawab untuk membayar gantirugi bagi kerugian dan/atau kerosakan kepada Pengguna yang berkaitan dengan tindakan penghapusan tersebut.

11. KEBENARAN LALUAN

Pengguna bersetuju dengan TNB bahawa pekerja, agen dan/atau wakil TNB dibenarkan untuk memasuki kawasan premis Pengguna pada masa yang munasabah untuk:-

- (a) menjalankan kerja-kerja/pemeriksaan dan/atau ujian, dan/atau pembinaan dan/atau apa-apa perkara lain berkaitan dengan pembekalan ke premis Pengguna dengan cara yang difikirkan patut dan sesuai.
- (b) Bagi kemasukan di bawah klausa 11(a) TNB akan membaikpulih apa-apa kerosakan sekiranya ada yang diakibatkan dengan tindakan tersebut.

12. PERAKUAN PEMOHON

Mematuhi pada bila-bila masa Perakuan Pemohon sepertimana yang dinyatakan di bawah Bahagian1 kepada Borang Permohonan. Pengguna juga perlu mematuhi perakuan-perakuan berikut:

- (a) Pengguna perlu memastikan sistem BIPV mematuhi piawaian keselamatan, daya harap sistem dan power quality sepertimana termaktub didalam Piawaian Malaysia MS 1837:2005 (Installation Of Grid – Connected Photovoltaic (PV) System).
- (b) Sistem BIPV perlu mempunyai fungsi 'anti-islanding' bagi memastikan tiada bekalan tenaga yang mengalir ke sistem TNB semasa kerja-kerja senggaraan dilakukan di sistem yang terbabit bagi mengelakkan sebarang kemalangan.
- (c) Pengguna perlu memastikan sistem PV diasingkan secara automatik daripada sistem TNB jika berlaku sebarang gangguan bekalan di bahagian TNB.
- (d) Pengguna hendaklah memastikan bekalan dari sistem BIPV hanya boleh disambung ke sistem TNB bila mana sistem TNB kembali dalam keadaan normal.

B. WAAD TNB

13. MENGAMBIL BEKALAN

Mengambil bekalan elektrik dari premis pengguna dengan bayaran kadar Tarif menurut peruntukan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

14. KEDUDUKAN PEPASANGAN

TNB akan menentukan kedudukan tempat dan penamatan-akhir masuk talian-talian sesalur atau kabel termasuk fuis-fuis "cut-out", meter dan lain-lainnya ke premis Pengguna.

15. PENGGUNAAN PEPASANGAN UNTUK PENGGUNA LAIN

TNB boleh menggunakan mana-mana bahagian pemasangan yang disediakan oleh pihak TNB untuk memberi bekalan kepada Pengguna-Pengguna yang lain di kawasan berkenaan.

16. PEMERIKSAAN OLEH TNB

- (a) TNB boleh menjalankan pemeriksaan dan ujian ke atas semua pemasangan sebelum bekalan disambungkan. Walaubagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab kontraktor elektrik yang berdaftar untuk memastikan pemasangan tersebut adalah selamat.
- (b) Pengguna hendaklah memaklumkan kepada TNB sebarang permintaan untuk penyambungan atau pindaan kepada pemasangan supaya TNB boleh menjalankan kerja-kerja pemeriksaan dan ujian terhadap penyambungan atau pindaan itu sekiranya TNB ingin berbuat demikian.
- (c) TNB tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan yang disebabkan atau yang berlaku semasa atau selepas ujian akibat sebarang kecacatan pada pemasangan itu dan sebarang ujian yang dijalankan oleh TNB adalah bagi maksudnya sendiri dan tidak boleh disiratkan ada sebarang waranti bahawa pemasangan itu sesuai bagi kepentingan Pengguna atau ianya telah mematuhi sepenuhnya Peraturan Bekalan Elektrik 1994 atau sebarang pindaan selanjutnya yang dibuat di bawahnya.
- (d) TNB akan menanggung semua kos pemeriksaan yang dijalankan oleh TNB.

17. PEMOTONGAN BEKALAN SEMENTARA

TNB boleh memotong bekalan ke premis Pengguna untuk sementara waktu untuk apa-apa tujuan yang berkaitan dengan keberkesanan sistem pembekalan elektrik TNB. TNB tidak bertanggungjawab untuk memberi bekalan alternatif setelah pemotongan berlaku.

TNB juga berhak untuk memutuskan bekalan dari sistem BIPV ke sistem TNB tanpa sebarang notis sekiranya:

- i. terdapat keadaan yang mana boleh mendatangkan bahaya kepada kakitangan TNB yang menjalankan senggaraan di sistem yang berkenaan atau dalam keadaan yang boleh mendatangkan bahaya kepada pengguna lain;
- ii. kejadian kecemasan berlaku di sistem TNB;
- iii. berlaku keadaan yang bahaya yang boleh menjejaskan sistem atau peralatan TNB.

C. ADALAH DENGAN INI DIPERSETUJUI OLEH KEDUA PIHAK BAHAWA

18. SESALUR MENINGKAT DAN SESALUR SISI

- (a) Mana-mana pemasangan sesalur dan talian servis dan alat-alat tambahan termasuk meter-meter adalah harta TNB. Kos PV meter bagi mencatatkan jumlah penjualan elektrik kepada TNB adalah dibawah tanggungan pengguna dan merupakan sebahagian daripada sistem PV.
- (b) Bagi premis yang berbagai penghuninya di mana sebahagian dari bekalan adalah bagi tujuan termasuk tetapi tidak dihadkan kepada pemilik, pemaju atau tuan punya tanah dan lain-lain penghuni bangunan, bekalan tuan punya tanah dan bekalan setiap penghuni akan mempunyai meter yang berasingan dan dibilkan oleh TNB. Pemilik, pemaju atau tuan punya tanah atau agen masing-masing wajib atas perbelanjaan sendiri memperuntukkan, memiliki, menyelenggara dan membaikpulih sistem elektrik di dalam bangunan termasuk sesalur meningkat dan sesalur sisi jika difikirkan patut atau perlu. Rekabentuk, pemasangan dan

pengendalian sistem elektrik tersebut harus mematuhi segala peruntukan yang telah ditetapkan oleh badan yang bertanggungjawab termasuk Pihak Berkuasa dan TNB.

19. BIL DAN PEMBAYARAN.

- (a) Pembilan adalah berdasarkan kepada unit penggunaan elektrik daripada TNB dan unit bekalan elektrik kepada TNB oleh pengguna dan bil yang dikeluarkan kepada Pengguna akan diselaraskan (sekiranya ada) bagi bil bulan berikutnya KECUALI bagi bulan Disember. Sekiranya terdapat lebih terkumpul bagi unit bekalan elektrik kepada TNB oleh Pengguna pada bulan Disember tersebut, maka lebih terkumpul ini akan dilupuskan dan tidak akan dibawa ke hadapan. Walaubagaimanapun pengecualian adalah diberi pada bulan Disember pertama tahun pemasangan sistem PV yang mana lebih terkumpul (jika ada) dibenarkan dibawa ke hadapan untuk tujuan pelarasan.
- (b) Segala bil yang dimajukan kepada Pengguna mesti dibayar oleh Pengguna dalam tempoh yang ditetapkan dalam bil-bil berkenaan.
- (c) Sekiranya Pengguna gagal menjelaskan pembayaran bil, TNB mempunyai hak untuk memotong bekalan tenaga elektrik kepada Pengguna.
- (d) TNB mempunyai hak untuk mengenakan surcaj sebanyak satu peratus (1%) sebulan ke atas apa-apa amaun tertunggak sehingga pembayaran sepenuhnya dibuat.
- (e) Mana-mana pembayaran yang tidak sah seperti pembayaran melalui kad kredit palsu, cek tendang atau lain-lain kaedah pembayaran yang berkaitan, maka pihak pengguna bertanggungjawab untuk membuat pembayaran semula ke atas bil yang telah dikeluarkan oleh pihak TNB termasuk lain-lain caj yang berkaitan.
- (f) Sekiranya pengguna masih gagal membayar apa-apa amaun di bawah klausa 19 (a) dan 19 (d) maka TNB berhak memotong bekalan di premis berkenaan atau mana-mana premis lain yang didaftarkan di atas nama Pengguna.

20. PENGALIHAN SISTEM PEMBEKALAN TNB

Jika Pengguna atau pemilik sesebuah Premis meminta TNB supaya mengalihkan atau memindahkan litar bekalan, tiang, bilik pencawang, pylon atau apa-apa pemasangan TNB, segala kos untuk menjalankan pengalihan atau pemindahan adalah ditanggung sepenuhnya oleh Pengguna atau pemilik yang mana berkenaan.

21. KEJADIAN KEINGKARAN

Kejadian mana-mana perkara yang disebutkan di bawah adalah dianggap kejadian keingkaran di bawah kontrak ini dan ianya tidak terhad kepada:-

- (a) Tindakan atau kesalahan Pengguna yang telah menjejaskan kecekapan dan/atau keselamatan pemasangan TNB.
- (b) Pengguna telah gagal mematuhi mana-mana peruntukan di bawah kontrak ini dan/atau Akta Bekalan Elektrik 1990.
- (c) Pengguna telah mendapatkan kebenaran untuk perlantikan jawatan penerima atau mengambil alih oleh jawatan penerima atau likuidator sendiri atau mana-mana bahagian yang penting terhadap harta Pengguna.
- (d) Pengguna mengakui secara bertulis ketidakupayaan Pengguna untuk membayar hutang apabila hutang tersebut dituntut.
- (e) Pengguna membuat serahanhak umum atau pengubahsuaian atau komposisi dengan atau bagi kelebihan kepada pemiutang.
- (f) Memulakan kes secara sukarela atau petisen kepada pihak yang mana tujuannya adalah untuk mendapatkan kelebihan bagi mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan kebangkrutan, insolvensi penstrukturan hutang, penggulungan atau komposisi.
- (g) Pengguna diletakkan di bawah penerimaan atau pentadbiran khas atau likuidasi.
- (h) Pengguna diisytiharkan mufli/bankrap.
- (i) Telah berlakunya pembubaran atau kematian di pihak Pengguna.
- (j) Kegagalan Pengguna mematuhi mana-mana peruntukan di bawah Klausa 12.0 kontrak ini.

Sekiranya kejadian keingkaran berlaku dan berterusan, TNB boleh, sebagai tambahan kepada mana-mana hak yang dinyatakan di bawah kontrak, menamatkan kontrak ini dengan memberikan tidak kurang daripada 14 hari kerja notis bertulis kepada Pengguna. Pada tarikh kuatkuasa penamatan berkenaan, TNB akan dilepaskan daripada sebarang obligasi dan liabiliti di bawah kontrak ini.

22. PEMOTONGAN BEKALAN ELEKTRIK

TNB mempunyai hak untuk memotong bekalan dalam mana-mana keadaan di bawah:-

- (a) Pengguna ingkar mematuhi peruntukan di bawah klausa 21 dan keingkaran tersebut tidak diremеди dalam tempoh yang telah ditetapkan.
- (b) Melalui perintah mahkamah.
- (c) TNB berpendapat bahawa jika bekalan diteruskan ianya akan membahayakan keselamatan, reliabiliti atau sekuriti sistem TNB atau menampakkan ancaman fizikal yang ketara atau mengancam keselamatan, nyawa atau kesihatan mana-mana orang.
- (d) Sebarang hak untuk memotong tanpa notis seperti yang telah diperuntukkan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

23. PENAMATAN OLEH TNB

- (a) TNB boleh menamatkan kontrak ini pada bila-bila masa dengan memberi notis secara bertulis tidak kurang 14 hari bekerja mengenai niatnya untuk berbuat demikian.
- (b) TNB boleh juga menamatkan kontrak ini di bawah klausa 22 dengan memberi notis bertulis 14 bekerja hari kecuali keingkaran berlaku di bawah klausa 22 (a), (c) dan (d) maka penamatan kontrak ini boleh dilakukan setelah tamat tempoh remedi oleh TNB.
- (c) Sekiranya TNB menerima sebarang notis pemotongan sementara daripada pengguna maka penerimaan tersebut adalah dianggap sebagai notis penamatan kontrak oleh pengguna tertakluk kepada penyerahan notis oleh TNB di bawah klausa 23(a).

24. PEMINDAHAN AMAUN TERTUNGGAK DAN LEBIHAN DEPOSIT

- (a) TNB berhak memindahkan tunggakan bil elektrik bagi akaun yang telah ditutup ke dalam mana-mana akaun Pengguna yang masih aktif.
- (b) Dan sekiranya terdapat akaun Pengguna yang telah ditutup dan terdapat lebih deposit maka TNB berhak menggunakan lebih deposit tersebut untuk menyelaraskan tunggakan bagi mana-mana akaun Pengguna yang masih aktif (sekiranya ada).

25. FORCE MAJEURE

TNB adalah tidak bertanggungjawab kepada Pengguna bagi apa-apa keingkaran terma atau syarat kontrak bagi kontrak ini yang disebabkan oleh apa-apa kejadian yang merangkumi dan tidak terhad kepada kecemasan nasional, peperangan, hostiliti, rusuhan, gangguan sivil, gempa bumi, banjir, disposisi, kejadian semulajadi atau ketetapan dengan perintah kerajaan, badan negeri atau mana-mana badan lain.

26. INDEMNITI DAN LIABILITI TIDAK BOLEH TUNTUT

- (a) Pengguna bersetuju untuk menanggung rugi dan akan terus menanggung rugi TNB daripada dan terhadap segala tuntutan, perbuatan, gantirugi, tuntutan mahkamah, prosiding, dan segala kos guaman yang dibawa oleh pihak ketiga ke atas TNB, pekerja atau agennya, yang mana TNB mungkin boleh dipertanggungjawabkan akibat daripada pelaksanaan kontrak kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan sengaja TNB, pekerja atau agennya.
- (b) Pengguna bersetuju bahawa TNB, pekerja, pengkhidmat, agen, wakil tidak akan bertanggungjawab dan/atau menanggung rugi kepada Pengguna apa-apa kerosakkan, kecederaan atau kehilangan terhadap harta Pengguna dan/atau nyawa melainkan kerosakkan, kecederaan atau kehilangan telah dibuktikan adalah disebabkan oleh perbuatan sukarela, cuai atau tidak melakukan dan/atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana standard keselamatan yang terdapat di bawah mana-mana akta.
- (c) Pengguna juga bersetuju selanjutnya bahawa TNB tidak bertanggungjawab bagi sebarang kos yang ditanggung, kehilangan/atau kerosakkan barang-barang industri, produk, harta atau nyawa Pengguna akibat daripada kemalangan yang tidak dapat dielakkan, ketidaktetapan voltan, gangguan, pengurangan dan/atau gangguan bekalan elektrik, kebakaran atau kemalangan yang mungkin disebabkan oleh bekalan elektrik atau penggunaan atau penyalahgunaan yang tidak disebabkan oleh kecuaiian atau perbuatan sengaja TNB dan/ atau kakitangannya.

D. LAIN-LAIN PERKARA

27. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

Kontrak ini adalah tertakluk dan ditafsirkan mengikut Akta Bekalan Elektrik 1990 dan sebarang Peraturan yang dibuat di bawah ini termasuk sebarang pindaan ke atasnya.

28. PINDAAN, MODIFIKASI ATAU GANTIAN

Mana-mana pihak tidak dibenarkan meminda, mengubah dan/atau membuat gantian terhadap kontrak ini pada bila-bila masa melainkan dengan persetujuan kedua-dua belah pihak.

29. SERAHANHAK

Pengguna tidak dibenarkan menyerahkan hak atau obligasi yang timbul dibawah kontrak ini kepada mana-mana pihak ketiga tanpa persetujuan bertulis TNB.

30. PENGENEPIAN

Pengetahuan dan/atau berdiam diri oleh TNB atas pelanggaran mana-mana syarat atau waad di atas tidak dianggap sebagai pengeneapan mana-mana syarat atau terma atau mana-mana daripadanya dan tanpa menghiraukan pengetahuan atau berdiam diri, TNB adalah berhak menjalankan haknya dibawah kontrak ini.

31. TEMPOH MASA

Tempoh masa adalah teras dibawah kontrak ini.

32. PENGGANTI HAKMILIK

Kontrak ini adalah mengikat terhadap pengganti hak milik dan pemegang-pemegang serah hak yang dibenarkan oleh mana-mana pihak di bawah kontrak ini.

33. DUTI SETEM

Duti setem di bawah kontrak ini akan ditanggung dan dibayar sepenuhnya oleh Pengguna.

34. KEBOLEHASINGAN

Jika satu atau lebih peruntukan di dalam kontrak ini atau sebahagian darinya tak sah atau menjadi tidak sah atau tidak terpakai atas apa-apa juga alasan, ianya tidak akan sama sekali mengganggu atau merosakkan keesahan atau penguatkuasaan peruntukan yang lain.

35. PEMASANGAN PERALATAN UNTUK TUJUAN PENJANAAN ELEKTRIK DENGAN SENDIRI

Pengguna adalah bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada TNB sebarang pemasangan peralatan bagi tujuan penjanaan elektrik di dalam premis Pengguna. Permohonan bagi tujuan penjanaan elektrik dari sistem PV serta penyambungan kepada sistem TNB akan dibuat kepada TNB melalui borang "PV Generator Interconnection Application"

36. POWER QUALITY

Pengguna mestilah berusaha untuk memastikan semua pemasangan elektrik mempunyai daya ketahanan kepada perubahan singkat voltan dan tidak akan menghasilkan lain-lain masalah kualiti voltan yang akan memberi kesan yang negatif kepada sistem pembekalan elektrik.